

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	24/4/2012

# Kempen Bulan Bebas Denda dilancar

UM-24/4/2012

KUALA LUMPUR 23 April - Sempena Hari Buku Sedunia yang disambut 23 April setiap tahun, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) turut mengambil kesempatan melancarkan Kempen Bulan Bebas Denda untuk ahlinya selama sebulan bermula hari ini sehingga 23 Mei depan.

Ketua Pengarah PNM, Datuk Raslin Abu Bakar berkata, kempen yang diadakan buat julung-julung kalinya itu bertujuan menggalakkan peminjam memulangkan kembali buku yang tamat tempoh pinjaman tanpa dikenakan denda lewat.

"Kempen ini juga bertujuan mendidik masyarakat dengan amalan nilai-nilai murni seperti sifat tanggungjawab dan amanah, sekaligus meningkatkan rasa sayang terhadap buku serta menghargai ilmu pengetahuan.

"Bagi memudahkan peminjam, selain daripada menghantar sendiri ke PNM atau melalui pos, mereka juga boleh memulangkan buku ke perpustakaan komuniti PNM di AEON Mahkota Cheras dan AU2 Se-

tiawangsa selain perpustakaan desa di seluruh negara," katanya pada sidang akhbar selepas majlis Sambutan Hari Buku Sedunia 2012, di sini hari ini.

Sambutan yang masuk tahun kelima itu bertujuan mempromosi budaya membaca, penerbitan bahan bacaan di negara ini serta bagi menghormati hak cipta penerbitan.

Pelbagai aktiviti turut diadakan seperti bengkel e-Buku, sudut buku kegemaran saya, pameran buku terlaris, pertandingan bercerita, ceramah penulisan kreatif dan menara buku.

Dalam majlis tersebut, seramai 10 peminjam buku terbanyak tahun 2011 diberikan hadiah berupa bahan bacaan serta sijil penghargaan.

"Ia sebagai tanda penghargaan kepada ahli yang aktif dan juga bersempena ulang tahun ke-40 penguasaan PNM," katanya.

Sementara itu, Raslin berkata, amalan membaca dalam kalangan rakyat di negara ini menunjukkan peningkatan yang sungguh mem-berangsangkan.



RASLIN Abu Bakar (kanan) tertarik dengan Menara Buku 2020 pada Sambutan Hari Buku Sedunia 2012 di Kuala Lumpur, semalam.